

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
[PORT DICKSON]**

**TARIKH : 10 JULAI 2019**

**SOALAN NO. 84**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyatakan sejauh manakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan permasalahan Orang Asli secara keseluruhan bukan sahaja di Kuala Koh malah diseluruh negara.

**JAWAPAN : YB DATUK LIEW VUI KEONG  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG & HAL EHWAL PARLIMEN)**

Tuan Yang di-Pertua,

Apabila berlaku perubahan Kerajaan setelah pilihanraya ke-14, ianya menjadi titik permulaan kepada usaha-usaha pembaikan serta meletak Negara kembali ke landasan yang betul. Pastiya salah satu komitmen Kerajaan adalah dengan memberi tumpuan khas kepada masyarakat Orang Asli. Semenjak berlaku peralihan Kerajaan Persekutuan, perbincangan, perancangan serta gerak kerja terhadap usaha-usaha pembangunan dan peningkatan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli diberi penekanan seperti yang dijanjikan.

Pada 22 April 2019, JPM menerusi JAKOA telah menganjurkan Konvensyen Orang Asli Kebangsaan (KOAK) 2019 yang bertujuan untuk mendapatkan input daripada masyarakat Orang Asli dan pihak

## NO. SOALAN: 84

berkepentingan berhubung halatuju ke arah pembentukan Pelan Pembangunan Orang Asli Nasional. Sebanyak 137 resolusi telah dicapai yang meliputi 7 bidang fokus iaitu tanah, pendidikan, kepimpinan, infrastruktur, ekonomi, kesihatan dan kebudayaan.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, JAKOA sedang dalam tindakan untuk memperincikan resolusi yang dicapai kepada pelan tindakan menerusi sesi rundingan dengan pihak-pihak berkepentingan. Bagi tahun 2019, sebanyak empat sesi rundingan telah dijadualkan iaitu sesi satu pada 16 Julai 2019 yang melibatkan badan bukan kerajaan (NGO), SUHAKAM dan Majlis Peguam. Manakala, pada 3 September 2019, JAKOA merancang untuk mengadakan sesi konsultasi kedua yang melibatkan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Pihak JAKOA juga merancang untuk mengadakan sesi konsultasi dengan rakan-rakan sinergi iaitu badan-badan korporat yang mempunyai dana bagi membiayai aktiviti-aktiviti di bawah Pelan Tindakan yang sedang dibentuk. Sesi konsultasi terakhir, pihak JAKOA akan mendapatkan maklumbalas daripada wakil masyarakat Orang Asli yang terdiri daripada Pemimpin Orang Asli ( Tok Batin & MPKKOA ), Profesional Orang Asli, Belia Orang Asli dan Wanita Orang Asli sebelum Pelan Pembangunan Orang Asli Nasional diangkat untuk kelulusan Jemaah Menteri. Pihak JAKOA menetapkan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional ini dapat dilaksanakan dalam tempoh RMKe-12 (2021-2025)

Selain itu juga, pada 12 Jun 2019, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Isu-isu Masyarakat Minoriti (JKMIMM) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Pada peringkat permulaan, Jawatankuasa ini akan memberi keutamaan bagi penyelesaian isu-isu berkaitan masyarakat Orang Asli bagi meningkatkan tahap sosioekonomi dan kualiti hidup.

Sekian, terima kasih.